

Ibupejabat UMNO dukacita

KUALA LUMPUR, Ahad — Ibupejabat UMNO Malaysia memandang berat dan menyesali keributan dalam Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Rantau Panjang dekat Pasir Mas, Kelantan, semalam.

"Saya bagi pihak UMNO Malaysia dukacita terhadap kejadian itu yang difahamkan pertama kali berlaku dalam sejarah UMNO," kata Setiausaha Agungnya, Senator Datuk Haji Mustafa Jabar, hari ini.

Sementara itu dari Kota Bharu dilaporkan Ketua Polis Negeri, Haji Ibrahim Yeop, hari ini mengesahkan tembakan ke udara sewaktu kekacauan di Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Rantau Panjang pagi semalam, dilepaskan oleh seorang sarjan detektif Husein Hamzah.

Katanya, detektif itu terpaksa bertindak demikian mententeramkan keadaan kelam-kabut dalam persidangan bagi mengelakkan peristiwa-peristiwa lebih buruk berlaku.

Haji Ibrahim mem-beritahu Berita Harian,

□ LAIN-LAIN berita kecoh dalam sidang UMNO muka 7.

selepas tembakan amaran dilepaskan ke udara keadaan dalam persidangan tenang semula.

Tindakan detektif itu patut diberi kepujian kerana mententeramkan dan menjaga keselamatan orang ramai dalam majlis, katanya. —